



Pasukan *Elixir Racing* sekolah kluster harumkan UMP

Oleh: ZURYATY ZOL

Hasil jaringan strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan sekolah kluster membuahkan hasil apabila pasukan *Elixir Racing* dari Sekolah Menengah Sultanah Hajjah Kalsom dinobatkan johan setelah mengalahkan 30 buah pasukan dari seluruh Malaysia dengan meraih anugerah Penyelidikan dan Inovasi terbaik, Portfolio Enterprise terbaik dan persembahan terbaik dalam Pertandingan *F1 in Schools Malaysia National Finals 2015* yang diadakan di Dewan Sri Perdana, Kolej Automatif Antarabangsa (ICAM) pada 2 November 2015 yang lalu.

Dengan kejayaan ini, pasukan *Elixir Racing* yang terdiri daripada empat pelajar iaitu Fasya Husna Muhammad Uzir, Nur Nadia Mohamad Ramli, Siti Nadhirah Abdul Riza dan Muhammad Hakim Kamaruzzaman

serta guru pengiring, Abdullah Osman layak menyertai pertandingan *F1 in Schools Technology Challenge World Final 2016* di Austin Texas United States of America.

Menurut Professor Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), guru pembimbing bersama pelajar ini kerap mengadakan perundingan berkaitan penggunaan teknologi pembangunan prototaip sebagai persiapan model F1.

“Dengan dibantu Shahandzir Baharom, Sekolah Menengah Sultanah Hajjah Kalsom yang merupakan sekolah angkat atau kluster FKP sejak tahun 2012 ini telah berjaya mengharumkan nama Sekolah serta nama UMP di persada tanah air dan antarabangsa,” katanya.

Sementara itu, menurut Abdullah banyak pengalaman dan kepakaran diperoleh hasil kerjasama baik UMP dalam usaha membantu pihak sekolah mencipta kejayaan dalam dan luar negara. Malahan, suntikan semangat dari pensyarah FKP menyumbang terhadap kesungguhan pelajar mencapai kecemerlangan.

Katanya, sekolah ini juga berjaya menjadi johan dalam pertandingan *F1 in Schools* Peringkat Zon Timur setiap tahun mulai tahun 2012 sehingga tahun 2014 termasuk berjaya mewakili Malaysia di *Austin Texas United States Of America* tahun 2013 dan menggondol tempat ketujuh dalam pertandingan kereta terpantas daripada 38 pasukan dalam pertandingan *F1 In School Technology Challenge World Final 2013*.

Hubungan strategik dengan sekolah kluster ini turut memabatkan penawaran perkhidmatan kepakaran staf fakulti serta berjaya menonjolkan identiti UMP di persada antarabangsa.